

Isu Imbuhan /di-i/ Bahasa Melayu: Apitan atau Gabungan

ZAHARANI AHMAD
NOR HASHIMAH JALALUDDIN

ABSTRAK

Makalah ini membuat analisis tentang /di – i/ untuk menentukan sama ada ia adalah apitan atau gabungan. Sumber analisis adalah leksikal yang diperoleh daripada korpus UKM-DBP. Kajian ini mendapati selain daripada digolongkan sebagai satu awalan dan akhiran yang utuh, morfem terikat /di-/ dan /-i/ juga dikelaskan sebagai apitan kata kerja /di-i/ dalam bahasa Melayu. Imbuhan ini digolongkan sebagai apitan kerana proses morfologinya berlaku secara serentak. Penerbitan kata yang hanya melibatkan morfem /di-/ tanpa disertai oleh morfem /-i/ akan menghasilkan bentuk yang tidak gramatis. Hujah ini disokong dengan bukti leksikal yang menunjukkan kata terbitan seperti diakui dan dimulai wujud dalam leksikon Melayu, tetapi kata terbitan *diaku dan *dimula dianggap janggal dan tidak gramatis. Berbeza daripada pandangan lepas, kertas ini mencadangkan morfem terikat /di-i/ digolongkan sebagai imbuhan gabungan, iaitu imbuhan yang terdiri daripada penggabungan antara akhiran /-i/ dengan awalan /di-/. Dari segi morfologinya, proses pengimbuhan ini berlaku secara berperingkat-peringkat, iaitu dimulai dengan pengimbuhan akhiran /-i/ dan kemudian diikuti dengan pengimbuhan awalan /di-/. Andaian ini disokong dengan bukti leksikal yang diperoleh daripada korpus UKM-DBP, dan juga bukti fonologi yang memperlihatkan perilaku rumus yang beroperasi di sempadan morfem awalan dan juga akhiran. Interaksi antara rumus fonologi dan morfologi yang berlaku dalam proses pengimbuhan ini akan dianalisis dengan menggunakan kerangka teori fonologi dan morfologi leksikal.

Kata kunci: morfologi leksikal, strata, penyisipan geluncuran, penyisipan glotis, pasca leksikal.

ABSTRACT

Besides being classified as a prefix and a suffix respectively, formatives /di-/ and /-i/ are also categorized as a verbal circumfix /di-i/ in Malay (Nik Safiah et.al. 1989, Asraf 1990, Hashim 1993). The affix is categorized as circumfix because its morphological process applies simultaneously. Words that are derived from /di-/ prefixation alone is regarded ungrammatical. This argument is supported by lexical evidence that shows lexical words such as diakui and dimulai exist in

the Malay Lexicon, but words such as *diaku and *dimula are unacceptable and ungrammatical. In contrast with the previous analysis, this paper suggests that the formative /di-i/ is a combination of the prefix /-i/ and the suffix /di-/. Morphologically, the affixation process operates in stages, which begins with /-i/ suffixation followed by /di-/ prefixation. The claim is supported by lexical evidence obtained from the data based corpus of UKM-DBP, and motivated by the phonological rules that operate at the prefix and suffix boundaries. The interaction between phonological and morphological rules that apply in the process of affixation will be analyzed by using the theoretical framework of lexical phonology and morphology.

Key words: lexical morphology, strata, glide insertion, post-lexical.

Pengenalan

Pengimbuhan ialah satu proses morfologi yang menggandingkan imbuhan dengan kata dasar dan menghasilkan satu bentuk kata berimbuhan yang dikenali sebagai kata terbitan. Kebanyakan buku nahu menggolongkan imbuhan bahasa Melayu kepada empat jenis yang utama, iaitu awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Penjenisan ini dibuat berdasarkan posisi yang diduduki oleh sesuatu imbuhan itu dalam konteks penggandingannya dengan kata dasar. Imbuhan yang mendahului kata dasar dinamakan awalan, yang mengakhiri kata dasar dinamakan akhiran, yang menyelit di tengah kata dasar dinamakan sisipan, dan yang mengapit kata dasar dinamakan apitan.

Dalam bahasa Melayu, kata dasar yang boleh menerima imbuhan itu terdiri daripada dua jenis, iaitu kata dasar tunggal (morfem bebas), dan kata dasar terbitan (morfem bebas bersama imbuhan). Proses pengimbuhan dengan kata dasar tunggal boleh melibatkan kesemua jenis imbuhan bahasa Melayu, iaitu awalan (cth. di+tulis, ber+tulis), akhiran (cth. mula+i, mula+kan), sisipan (cth. g+em+uruh, j+el+ajah), dan apitan (cth. ke+hitam+an, per+sama+an). Proses pengimbuhan dengan kata dasar terbitan juga boleh melibatkan imbuhan awalan (cth. ber+pakaian, ber+gemuruh), akhiran (cth. berbantal+kan, jelajah+i), dan apitan (cth. ke+berkesan+an, ke+terlalu+an).

Dari segi bentuk dan struktur binaan morfemnya, kata terbitan yang terhasil melalui proses pengimbuhan dengan kata dasar terbitan, khususnya yang melibatkan awalan dan akhiran kelihatan seolah-seolah seperti apitan. Kedua-dua imbuhan awalan dan akhiran itu didapati seakan-akan mengapit kata dasar tunggal. Justeru, sesetengah pengkaji bahasa menggolongkan gabungan awalan dan akhiran ini sebagai apitan.

Sehubungan itu, makalah ini cuba meneliti dan menganalisis proses pengimbuhan yang melibatkan kata dasar terbitan, khususnya penggabungan yang melibatkan imbuhan /di-/ dan /-i/. Persoalan yang ingin dijawab adalah sama ada imbuhan /di-/ itu diimbuhkan dengan kata dasar terbitan yang sudah menerima akhiran /-i/ terlebih dahulu, atau pun akhiran /-i/ itu diimbuhkan dengan kata dasar terbitan yang sudah menerima awalan /di-/ terlebih awal.

Isu dan Persoalan

Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa morfem terikat /di-/ dan /-i/ boleh berdiri sebagai satu imbuhan tersendiri, dan digolongkan sebagai awalan kata kerja /di-/ dan akhiran kata kerja /-i/. Selain daripada diidentifikasi sebagai satu morfem tersendiri, imbuhan-imbuhan ini juga digolongkan sebagai apitan kata kerja /di-i/ (Nik Safiah et.al. 1989, Asraf 1990, Hashim 1993). Apitan lain yang tergolong dalam kumpulan apitan kata kerja ini termasuklah /di-kan/, /diper-i/ dan /diper-kan/. Mengikut penahanan di atas, apitan ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan pada belakang kata dasar.

Dari sudut linguistik, analisis yang mengusulkan /di-i/ sebagai apitan sebenarnya mengundang tiga persoalan dan permasalahan nahu. Pertama, apakah justifikasi morfologi yang munasabah yang mewajarkan kewujudan kedua-dua imbuhan apitan ini sekiranya sistem pengimbuhan bahasa Melayu membenarkan sesuatu imbuhan itu boleh diimbuhkan dengan kata dasar terbitan? Kedua, kewujudan imbuhan apitan yang melibatkan penggabungan imbuhan yang sama secara langsung akan menambahkan jumlah inventori imbuhan bahasa Melayu. Analisis sebegini bersifat lemah dan tidak menepati kriteria ekonomi, seperti yang disyaratkan dalam sesuatu analisis linguistik. Ketiga, penggolongan /di-i/ sebagai apitan boleh mengelirukan pengguna bahasa kerana terdapat beberapa imbuhan yang bentuk dan struktur binaannya sama seperti kedua-dua imbuhan tersebut, tetapi tidak pula digolongkan sebagai apitan kata kerja, misalnya apitan /diperse-i/ dan /dise-kan/ dalam kata dipersekutui dan diseragamkan.

Saranan Penyelesaian

Makalah ini menyarankan bahawa morfem terikat /di-i/ adalah imbuhan gabungan dan bukan imbuhan apitan. Imbuhan gabungan ialah gandingan imbuhan awalan dan akhiran yang melingkungi kata dasar secara

berperingkat-peringkat. Ia berbeza daripada imbuhan apitan. Imbuhan apitan ialah gandingan imbuhan awalan dan akhiran yang melingkungi kata dasar secara serentak. Dalam kata lain, perbezaan antara imbuhan gabungan dengan imbuhan apitan ditentukan oleh proses morfologi yang berlaku.

Dari segi proses morfologi, imbuhan gabungan /di-i/ bermula dengan pengimbuhan akhiran /-i/ dengan kata dasar tunggal (cth. mula+i). Peringkat seterusnya ialah pengimbuhan awalan /di-/ dengan kata dasar terbitan yang mengandungi akhiran /-i/ (cth. di+mulai). Analisis ini disokong dengan bukti fonologi dan morfologi berdasarkan kerangka teori fonologi dan morfologi leksikal.


Teori Fonologi-Morfologi Leksikal

Andaian asas teori fonologi-morfologi leksikal adalah rumus morfologi, iaitu rumus pembentukan kata dan rumus fonologi dibahagikan kepada satu siri tingkat (level) atau strata yang berurutan. Komponen leksikon yang terdiri daripada tingkat-tingkat atau strata itu berfungsi sebagai domain pelaksanaan rumus fonologi dan morfologi. Proses pembentukan kata beroperasi secara berterusan melalui setiap tingkat atau strata, walaupun pada tingkat tertentu tidak berlaku sebarang proses morfologi atau fonologi yang relevan. Ini bermakna perkataan dibentuk melalui pelaksanaan rumus pembentukan kata (Word Formation Rule) secara berperingkat-peringkat. Misalnya, rumus pengimbuhan akhiran berlaku di tingkat pertama, dan kemudian diikuti oleh rumus pengimbuhan awalan di tingkat berikutnya. Teori ini juga mengandaikan bahawa setiap output yang dihasilkan pada tingkat atau strata tertentu itu mestilah butiran leksikal.

Satu lagi andaian asas teori fonologi-morfologi leksikal ialah komponen leksikon itu bukan saja mengandungi segala maklumat idiosinkratik tentang morfem dan kata, tetapi juga mengandungi segala rumus yang bersifat regular mengenai fonologi dan morfologi. Rumus fonologi yang regular ini dikatakan beroperasi di dalam komponen leksikon, dan lazimnya pelaksanaan ini didorong atau dimotivasikan melalui proses penggabungan morfem.

Secara ringkasnya, komponen leksikon yang pembahagiannya terdiri daripada tingkat-tingkat atau strata-strata dapat direpresentasikan seperti dalam (1) di bawah. Model teori fonologi-morfologi leksikal ini dipetik daripada Kiparsky (1982).

1. Model Fonologi-Morfologi Leksikal



Seperti yang dapat dilihat dalam model di atas, fonologi leksikal terbahagi kepada dua komponen utama, iaitu komponen leksikal dan komponen pasca leksikal. Komponen leksikal mengandungi rumus fonologi yang peka pada lingkungan terbitan (derived environment). Rumus fonologi akan beroperasi sebaik sahaja setiap proses morfologi selesai dilaksanakan. Output daripada proses fonologi ini kemudiannya menjadi input kepada proses morfologi berikutnya.

Imbuhan Gabungan: Interaksi Fonologi dan Morfologi

Dari sudut fonologi, apabila morfem digabungkan untuk membentuk kata terbitan, lazimnya penggabungan tersebut mendorong berlakunya proses fonologi. Interaksi antara rumus fonologi dan morfologi sangat penting dalam menghuraikan proses penerbitan kata. Dalam konteks pengimbuhan bahasa Melayu, antara penggabungan morfem yang mendorong pelaksanaan rumus fonologi ialah penggabungan antara morfem yang berakhiran vokal dengan morfem yang berawal dengan vokal. Penggabungan ini menghasilkan rangkap vokal dan ia boleh berlaku di

sempadan awalan (cth. /di+asah/, /dʒuru+acara/) dan juga di sempadan akhiran (cth. /lari+an//aku+an/). Walaupun dari segi deskripsi strukturalnya rangkap vokal yang wujud di kedua-dua sempadan itu adalah sama (cth. /ia/ dan /ua/), namun rumus fonologi yang beroperasi di situ adalah berbeza. Misalnya, rangkap vokal yang terdiri daripada vokal tinggi dan vokal rendah di sempadan awalan akan mengalami proses penyisipan glotis (cth. /di+upah/ → [di?upah], /dʒuru+acara/ → [dʒuru?acara]), manakala rangkap vokal yang sama di sempadan akhiran mengalami proses penyisipan geluncuran (cth. /lari+an/ → [larijan], /aku+an/) → [akuwan]).

Dalam kajian lepas, Farid (1980) yang menggunakan teori fonologi generatif standard menangani perilaku fonologi yang berbeza di sempadan awalan dan akhiran itu dengan mengusulkan dua rumus fonologi yang berbeza, iaitu rumus penyisipan geluncuran dan rumus penyisipan glottis yang diformalisasikan seperti di bawah.

2. Rumus penyisipan geluncuran (Farid 1980:51)

$$\emptyset \rightarrow \left[\begin{array}{l} -\text{silabik} \\ -\text{konsonantal} \\ +\text{tinggi} \\ \alpha \text{ rendah} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right] / \left[\begin{array}{l} V \\ +\text{tinggi} \\ \alpha \text{ rendah} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right] _ V$$

3. Rumus penyisipan glotis (Farid 1980: 48)

$$\emptyset \rightarrow ? / V - _ V$$

Syarat: ‘-’ bermaksud sempadan awalan

Rumus (3) di atas meletakkan sempadan awalan ‘-’ sebagai sebahagian daripada deskripsi struktural rumus penyisipan glotis. Bagi memastikan rumus ini menjana output yang gramatis, pelaksanaannya haruslah diatur, iaitu rumus penyisipan glotis mesti mendahului rumus penyisipan geluncuran. Interaksi antara dua rumus tersebut adalah seperti yang berikut:

4.	Representasi dalaman	/di-aku+i//
	Rumus penyisipan glotis	di?aku+i
	Rumus penyisipan geluncuran	di?akuwi
	Representasi permukaan	[di?akuwi]

Seperti yang dapat dilihat dalam derivasi di atas, proses pengimbuhan yang menggabungkan awalan dan akhiran dengan kata dasar berlaku secara serentak di peringkat dalaman. Ini bertepatan dengan analisis teori fonologi standard yang mengatakan rumus morfologi mestilah mendahului rumus fonologi. Rumus penyisipan glotis berlaku di sempadan awalan kerana deskripsi strukturalnya ditepati, iaitu adanya sempadan awalan ‘-’. Sebaliknya, rumus ini tidak beroperasi di sempadan akhiran kerana sempadan morfem yang memisahkan vokal rangkap tersebut ialah ‘+’. Derivasi seterusnya rumus penyisipan geluncuran yang tidak peka kepada sempadan morfem terlaksana di sempadan akhiran.

Sekiranya aturan rumus di atas diterbalikkan, seperti dalam (5) di bawah, iaitu rumus penyisipan geluncuran mendahului rumus penyisipan glotis, maka derivasinya akan menghasilkan bentuk permukaan yang tidak gramatis, iaitu *[dijakuwi]. Dalam kes ini, pelaksanaan rumus penyisipan geluncuran telah berlaku sebanyak dua kali. Rumus penyisipan glotis tidak boleh dilaksanakan kerana syarat lingkungannya telah dilukai oleh rumus penyisipan geluncuran.

5.	Representasi dalaman	/di-aku+i//
	Rumus penyisipan geluncuran	dijakuwi
	Rumus penyisipan glotis	-
	Representasi permukaan	*[dijakuwi]


Seperti yang telah dinyatakan, proses pengimbuhan yang menggabungkan awalan /di-/ dan akhiran /-i/ dengan kata dasar berlaku secara serentak di peringkat dalaman. Oleh sebab pengimbuhan itu berlaku serentak, maka imbuhan tersebut dapat dianggap sebagai apitan. Analisis fonologi Farid (1980) ini kemudiannya dipersetujui dan diterima oleh Hashim (1994) dan Nik Safiah et. al (1989) dalamuraian mereka tentang sistem morfologi bahasa Melayu. Kedua-duanya menganggap /di-i/ dan /di-kan/ itu adalah imbuhan apitan kata kerja bahasa Melayu.

Berdasarkan rumus (3) dan derivasi (4) ternyata analisis linear terpaksa bergantung kepada kekangan morfologi dan aturan rumus yang bersifat khusus bahasa untuk menangani fenomena fonologi yang berlaku. Dari sudut fonologi, analisis sebegini dikatakan tidak berpada kerana ia tidak mempunyai motivasi fonologi yang meyakinkan.

Teoh (1994) telah menilai semula kajian Farid (1980) dengan menerapkan pendekatan fonologi non-linear. Pematuhan onset sama ada melalui rumus penyisipan geluncuran atau rumus penyisipan glotis adalah bertujuan untuk menepati struktur suku kata dasar bahasa Melayu yang berstruktur KV(K). Ini bermakna suku kata dasar bahasa Melayu hanya terdiri daripada dua bentuk sahaja iaitu KV dan KVK, manakala bentuk *V dan *VK dengan sendirinya tidak diterima. Struktur ini menunjukkan bahawa setiap suku kata mesti mempunyai onset di peringkat dalam lagi.


Sehubungan itu, Teoh (1994) mengandaikan bahawa kata dasar yang dikenali sebagai bermula dengan vokal sebenarnya adalah bermula dengan konsonan, iaitu konsonan hentian glotis (cth. /?aku/). Bagi imbuhan akhiran /-an/ dan /-i/ pula, dikatakan terdapat gatra X kosong yang mengisi posisi onset morfem tersebut (cth. /Xan/ dan /Xi/). Penggabungan kata dasar /?aku/ dan imbuhan akhiran /Xan/ bahasa Melayu dapat direpresentasikan seperti dalam (6) di bawah.

6. Kehadiran gatra X kosong pada imbuhan akhiran




Bagi Teoh (1994) penyisipan geluncuran adalah satu proses fonologi yang membekalkan segmen konsonan bertujuan untuk mengisi gatra X onset yang terbiar kosong. Pengisian ini penting dan wajib dilaksanakan kerana seperti yang didakwa oleh Teoh, setiap suku kata bahasa Melayu mesti mempunyai onset. Bagi proses penyisipan geluncuran, fitur daripada vokal tinggi akan menyebar dari kiri ke kanan dan mengisi gatra X kosong seperti yang tergambar di bawah.

7. Rumus penyisipan geluncuran – penyebaran fitur [+tinggi, α belakang]




Rumus di atas bermaksud fitur vokal tinggi menyebar dan mengisi gatra X di posisi onset dan realisasinya muncul sebagai segmen geluncuran. Bagaimana rumus ini beroperasi di sempadan akhiran ditunjukkan oleh derivasi berikut:

8. a. Bentuk dalaman dengan struktur penyukuan



b. Penyebaran fitur




Representasi (8) memberikan satu penjelasan yang berpada tentang pelaksanaan rumus penyisipan geluncuran. Persoalan mengapa proses penyisipan berlaku dapat dijelaskan dengan berpada, iaitu adanya gatra X onset yang kosong yang memerlukan pengisian konsonan agar struktur suku kata tersebut menepati struktur suku kata dasar bahasa Melayu. Berdasarkan representasi morfem di atas, awalan /di-/ dan akhiran /-i/ masih dianggap sebagai apitan kerana proses penggabungannya berlaku secara serentak dan bukannya berperingkat-peringkat.

Berbeza dengan analisis Farid (1986) dan Teoh (1994), kajian ini mencadangkan proses pengimbuhan yang melibatkan imbuhan /di-/ , /-kan/ dan /-i/ berlaku secara berperingkat-peringkat. Pengimbuhan akhiran dengan kata dasar berlaku di tingkat awal dan diikuti kemudiannya oleh pengimbuhan awalan di tingkat berikutnya.


Kajian ini juga menganggap rumus penyisipan glotis dan rumus penyisipan geluncuran didorong oleh kekangan struktur suku kata. Kehadiran bunyi hentian glotis dan geluncuran di posisi onset menunjukkan bahawa struktur suku kata dasar bahasa Melayu secara umumnya mensyaratkan setiap suku kata itu perlu mempunyai onset di peringkat permukaannya.

Zaharani (2008) mengatakan bahawa suku kata bahasa Melayu terbina melalui pelaksanaan tiga rumus penyukuan yang dilakukan secara berurutan. Rumus penyukuan (RP) ini boleh diformalkan seperti di bawah.


9. Rumus penyukuan bahasa Melayu



Rumus pertama ialah rumus pembinaan nukleus, iaitu vokal yang mempunyai mora dihubungkan dengan nodus suku kata. Proses penghubungan ditandai dengan garis putus. Bagi bahasa Melayu hanya bunyi vokal sahaja yang mempunyai mora di peringkat representasi leksikal.



Rumus kedua ialah rumus pembinaan onset, iaitu konsonan yang berada di posisi sebelah kiri vokal dihubungkan terus dengan nodus suku kata dan menjadi onset kepada suku kata tersebut. Semua bunyi konsonan bahasa Melayu boleh menjadi onset suku kata.




Rumus ketiga ialah rumus pembinaan koda, iaitu konsonan yang berada di posisi sebelah kanan vokal dihubungkan dengan mora dan seterusnya dengan nodus suku kata, dan ia menjadi koda kepada suku kata tersebut. Konsonan koda mendapat mora melalui rumus pemberatan melalui posisi (weight by position) (Hayes 1989).

Rumus penyisipan geluncuran dan rumus penyisipan glotis juga berkait rapat dengan pembinaan struktur suku kata. Kedua-dua rumus ini dilaksanakan setelah tiga rumus dasar penyukuan suku kata selesai dilakukan. Dengan kata lain, kedua-dua rumus penyisipan ini bertindak sebagai pelengkap kepada rumus dasar yang membina struktur suku kata bahasa Melayu.

Rumus penyisipan geluncuran dalam kajian ini ditafsirkan sebagai rumus penyukuan yang bersifat ambisilabik, iaitu satu segmen dasar itu dihubungkan dengan dua suku kata yang berlainan. Dalam konteks ini, vokal tinggi /i/ dan /u/ menjadi anggota kepada dua suku kata yang berasingan di dalam kata. Pada suku kata pertama, vokal tinggi ini dihubungkan dengan nodus nukleus, dan pada masa yang sama vokal tersebut juga dihubungkan dengan nodus onset suku kata kedua. Kehadiran vokal tinggi di nodus onset direalisasikan sebagai bunyi geluncuran. Justeru, penyukuan yang mempunyai struktur yang berhubungan ini menjadikan vokal /i/ dan /u/ direalisasikan sebagai [ij] dan [uw]. Rumus penyukuan ambisilabik diformalisasikan seperti di bawah.

10. Rumus penyisipan geluncuran – proses penyukuan ambisilabik




Kajian ini mengandaikan bahawa proses penyukuan bermula pada item leksikal bukan terbitan atau kata dasar tunggal. Setelah rumus penyukuan selesai dilaksanakan ke atas kata dasar tunggal, proses berikutnya membabitkan pelaksanaan rumus morfologi, iaitu penggabungan morfem terikat. Selepas rumus morfologi berlaku, rumus penyukuan beroperasi semula. Pada kali ini rumus penyukuan hanya


bertindak ke atas segmen imbuhan sahaja tanpa menjelaskan binaan struktur suku kata yang sudah terbina pada kata dasar tunggal. Bagaimana rumus-rumus penyukuan ini beroperasi di dalam kata terbitan dapat ditunjukkan seperti dalam derivasi di bawah.

11. A. Proses penyukuan kata dasar tunggal


a. Input




b. Rumus pembinaan nukleus



c. Rumus pembinaan onset




d. Rumus pembinaan koda




B. Rumus morfologi – penggabungan akhiran dan proses penyukuan


a. Rumus pembinaan nukleus



b. Rumus penyukuan ambisilabik



c. Output




Di peringkat dalaman (11Aa) hanya bunyi vokal sahaja yang memiliki mora. Rumus pembinaan nukleus (11Ab) menghubungkan mora dengan nodus suku kata, manakala rumus pembinaan onset (11Ac) menghubungkan konsonan di sebelah kiri vokal ke nodus suku kata yang sama. Rumus pemberatan melalui posisi (11Ad) memberikan mora kepada konsonan di belah kanan vokal, dan konsonan ini dihubungkan terus dengan nodus suku kata melalui rumus pembinaan koda. Pada tahap ini semua segmen kata dasar telah dihubungkan dengan suku kata.

Derivasi seterusnya melibatkan rumus morfologi yang menggabungkan imbuhan akhiran /-i/ dengan kata dasar. Vokal /i/ yang tidak mempunyai suku kata kemudiannya dihubungkan dengan nukleus

suku kata melalui rumus pembinaan nukleus. Rumus pembinaan onset tidak boleh dilaksanakan kerana di sebelah kiri vokal /i/ tersebut tidak terdapat sebarang bunyi konsonan. Bagi memastikan vokal /i/ mempunyai onset, maka vokal tinggi /u/ yang menjadi nukleus suku kata kedua dihubungkan dengan nodus onset suku kata ketiga melalui rumus penyukuan ambisilabik. Vokal /u/ yang hadir di posisi onset direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [w] di peringkat outputnya.

Berhubung dengan rumus penyisipan glotis pula, deskripsi strukturalnya lebih umum. Rumus ini akan menyisipkan bunyi hentian glotis di antara dua vokal yang berurutan, bagi memastikan vokal kedua itu mempunyai onset. Rumus penyisipan glotis diformalisasikan seperti di bawah.


12. Rumus penyisipan glotis – kehadiran glotis di posisi onset




Rumus penyisipan glotis akan beroperasi sekiranya rumus penyukuan ambisilabik tidak dapat dilaksanakan kerana deskripsi strukturalnya tidak ditepati. Misalnya, sekiranya segmen vokal yang mendahului suku kata yang tidak mempunyai onset itu adalah vokal [-tinggi], maka vokal tersebut tidak boleh dihubungkan dengan nodus onset suku kata berikutnya. Dalam kes ini, bunyi hentian glotis akan disisipkan bagi memastikan suku kata tersebut mempunyai onset. Derivasi di bawah menjelaskan proses penyukuan yang berlaku.

13. A. Proses penyukuan kata dasar


a. Input




b. Rumus pembinaan nukleus



c. Rumus pembinaan onset




d. Rumus pembinaan koda




B. Rumus morfologi – penggabungan akhiran dan proses penyukuan


a. Rumus pembinaan nukleus



b. Rumus penyisipan glotis



c. Output




Seperti yang telah dinyatakan, dalam konteks pengimbuhan yang melibatkan imbuhan /di-/ dan /-i/, kajian ini menyarankan bahawa proses pengimbuhan awalan dan akhiran itu tidak berlaku secara serentak. Justeru, imbuhan /di-i/ tidak boleh dianggap sebagai apitan. Kedua-dua imbuhan ini adalah imbuhan gabungan, dan proses pengimbuhannya berlaku di strata yang berbeza. Proses pengimbuhan akhiran /-i/ berlaku di strata yang lebih awal, iaitu mendahului proses pengimbuhan awalan yang beroperasi di strata berikutnya.

Bagi rumus fonologi pula, dari sudut pelaksanaannya dalam komponen fonologi, rumus penyisipan geluncuran atau rumus penyukuan ambisilabik adalah rumus leksikal yang beroperasi di dalam leksikon, manakala rumus penyisipan glotis yang menyisipkan hentian glottis di antara dua vokal adalah rumus pasca leksikal yang beroperasi selepas semua proses morfologi selesai dilaksanakan. Untuk menjelaskan interaksi antara rumus morfologi dan fonologi yang berlaku, sila lihat derivasi di bawah yang menunjukkan bagaimana kata terbitan [di?akuwi] dihasilkan daripada kata dasar /di+aku+i/.

14. Proses derivasi penerbitan kata terbitan [di?akuwi]


LEKSIKON

Item leksikal bukan terbitan




Morfologi Strata 1

Rumus pengimbuhan /-i/




Fonologi Strata 1

Rumus penyukuan ambisilabik




Morfologi Strata 2

Rumus pengimbuhan /di-/




Fonologi Strata 2

Rumus penyukuan



FONOLOGI PASCA-LEKSIKAL

Rumus penyisipan glotis



Berdasarkan derivasi di atas, strata morfologi pertama melibatkan rumus morfologi pengimbuhan akhiran /-i/. Penggabungan morfem /aku/ dan /-i/ telah menghasilkan vokal rangkap /ui/. Vokal rangkap ini menepati deskripsi struktural rumus penyisipan geluncuran, atau lebih tepat lagi rumus penyukuan ambisilabik. Oleh sebab domain pelaksanaan rumus

penyukuan ambisilabik ini adalah di strata pertama, maka rumus ini pun dilaksanakan.

Rumus morfologi seterusnya melibatkan proses pengimbuhan awalan /di-/ dan pelaksanaannya berlaku pada strata morfologi kedua. Apabila kata leksikal [[aku]wi] masuk ke strata morfologi kedua, semua kurungan siku atau braket dalaman (internal bracket) yang melingkungi morfem akan digugurkan, dan bentuk yang terhasil ialah [akuwi]. Kata leksikal ini kemudiannya digabungkan dengan awalan /di-/ lalu menghasilkan kata terbitan [di[akuwi]] dengan kurungan dalaman yang baru. Penggabungan morfem yang berlaku telah menghasilkan rangkap vokal yang terdiri daripada vokal tinggi dan vokal rendah. Walaupun rangkap vokal ini menepati deskripsi struktural rumus penyukuan ambisilabik, namun rumus ini tidak terlaksana kerana domain pelaksanaannya bukan di tingkat dua. Justeru, vokal rangkap itu kekal sebagai vokal rangkap tanpa sebarang penyisipan segmen di dalam leksikon.


Kata terbitan [diakuwi] yang mengandungi vokal rangkap ini kemudiannya masuk ke komponen pasca leksikal. Dalam komponen ini terdapat rumus fonologi pascaleksikal, iaitu rumus penyisipan hentian glotis. Pelaksanaan rumus ini menghasilkan output sebenar, iaitu [di?akuwi].

Satu persoalan teoretis yang mungkin ingin dikemukakan, bolehkah rumus morfologi yang melibatkan pengimbuhan awalan dan rumus fonologi penyisipan glotis dilaksanakan di strata 1, kemudian diikuti oleh rumus morfologi pengimbuhan akhiran dan rumus penyukuan ambisilabik di strata 2, seperti yang ditunjukkan dalam derivasi berikut:

15. Proses derivasi penerbitan kata terbitan [di?akuwi]


LEKSIKON

Item leksikal bukan terbitan




Morfologi Strata 1

Rumus pengimbuhan /di-/




Fonologi Strata 1

Rumus penyisipan glotis




Morfologi Strata 2

Rumus pengimbuhan /-i/




Fonologi Strata 2

Rumus penyukuan



FONOLOGI PASCA-LEKSIKAL

Rumus penyisipan ambisilabik



Sekali pandang derivasi di atas berjaya menghasilkan output sebenar sama seperti derivasi sebelum ini. Namun, apabila dianalisis dan dinilai secara mendalam derivasi tersebut telah mengingkari dua prinsip utama yang mendasari teori fonologi dan morfologi leksikal. Pertama, rumus morfologi yang beroperasi di dalam leksikon mestilah menghasilkan kata leksikal, iaitu kata sebenar yang wujud dalam bahasa berkenaan. Dalam derivasi di atas, kata terbitan *[di?aku] bukan kata leksikal dalam bahasa Melayu. Kata ini tidak pernah wujud dalam mana-mana ayat dalam bahasa Melayu. Apabila penyemakan kata dibuat berdasarkan pangkalan data korpus UKM-DBP melalui perisian WordSmith Tools 4.0, ternyata kata terbitan ini tidak ditemui. Ini mengesahkan bahawa kata *[di?aku] bukan kata leksikal dalam bahasa Melayu.

Kedua berkaitan dengan prinsip pengekalan struktur (structure preservation) (Kiparsky 1985) yang mensyaratkan bahawa rumus fonologi yang beroperasi di dalam leksikon mestilah menepati struktur dalaman

bahasa berkenaan. Sekiranya, rumus fonologi yang berlaku itu melibatkan penambahan segmen, maka segmen tersebut mestilah menjadi sebahagian daripada inventori fonem bahasa berkenaan. Dalam kes hentian glottis ini, segmen tersebut tidak berstatus fonem dalam bahasa Melayu. Justeru, rumus penyisipan glotis tidak boleh menjadi rumus leksikal yang beroperasi di dalam leksikon.

Berdasarkan dua prinsip di atas, derivasi pertama yang menyarankan rumus morfologi pengimbuhan akhiran /-i/ dan rumus fonologi penyukuan ambisilabik mendahului rumus morfologi pengimbuhan awalan /di-/ adalah lebih tepat dan berpada. Kata terbitan berakhiran /-i/ adalah kata leksikal bahasa Melayu. Kewujudan kata leksikal ini diuji dan disemak berdasarkan data korpus UKM-DBP yang berjumlah lima juta patah perkataan. Data ini dijana dalam bentuk konkordans dengan menggunakan perisian WordSmith Tools 4.0. Contoh data konkordans adalah seperti di bawah.

16. Data konkordans

- 1 udah terjebak dengan kegiatan yang tidak baik itu. “Tetapi sama ada kita akui atau tidak umum mengetahui bahawa kita yang beragama Islam lebih banyak
- 2 itu mungkin boleh menjadi tanda awal kepada perubahan ini. Pendapat itu diakui sendiri oleh para penganalisis politik tempatan dan luar dalam melihat
- 3 Ternyata Gore mahu memberitahu Dr. Mahathir Mohamad di depan mukanya sendiri bahawa Amerika tidak menyukainya dan kerajaan yang beliau ketuai.
- 4 Perdana Menteri berkata dunia telah menjadi terlalu kecil bagi negara-negara untuk berundur di belakang blok-blok ekonomi tertutup yang diketuai para pemimpin yang berkuasa menentukan segalanya
- 5 Bagi anda yang mungkin ingin menikmati roti, kek, biskut buatan Napisah, ataupun ingin menjadi pemborong anda boleh datang sendiri mendapatkaninya. Untuk keterangan lanjut sila hubungi telefon 05-7162153.
- 6 Jurucakap Hospital Jengka ketika dihubungi memberitahu, keadaan dua daripada lima pemuda itu masih serius dan tiga lagi stabil
- 7 ysia Bhd. akan menjadi tuan rumah pameran dan persidangan ‘Telecom 21’ di sini mulai 23 hingga 26 Oktober untuk memaparkan innovasi dan kemajuan teknologi ter

- 8 i tahap terakhir. Pertemuan tidak rasmi Boris Yeltsin dengan Hashimoto akan dimulai 11 April. Kerana itu persiapan kunjungan itu dipercepatkan. Karas

Berdasarkan pangkalan data korpus UKM-DBP, didapati semua kata dasar tunggal yang berganding dengan imbuhan /di-i/ boleh berdiri sebagai satu kata leksikal bersama akhiran /-i/ tanpa awalan /di-/. Sebaliknya, kata kerja leksikal yang mengandungi awalan /di-/ tanpa akhiran /-i/ sangat kecil bilangannya, dan sesetengahnya tidak ditemui langsung. Jadual 17 di bawah menyenaraikan sebahagian daripada contoh kata terbitan yang ditemui di dalam korpus UKM-DBP.

17. Senarai kata terbitan dalam korpus

Kata terbitan dengan awalan /di-/ dan akhiran /-i/	Jumlah token	Kata terbitan dengan awalan di-	Jumlah token	Kata terbitan dengan akhiran /-i/	Jumlah token
didapati	1,113	didapat	2	dapati	280
dihadapi	615	dihadap	2	hadapi	174
diperdayai	587	diperdaya	-	percayai	16
difahami	350	difaham	2	fahami	101
dihubungi	312	dihubung	4	hubungi	74
dihormati	262	dihormat	-	hormati	24
disertai	271	diserta	2	sertai	73
dipengaruhi	279	dipengaruh	-	pengaruhi	14
dipenuhi	266	dipenuh	1	penuhi	21
dikuasai	268	dikuasa	-	kuasai	36
diketuai	217	diketua	-	ketuai	9
ditandatangani	188	ditandatangan	3	tandatangani	10
disedari	179	disedar	1	sedari	42
dipelajari	171	dipelajar	-	pelajari	43
diakui	166	diaku	-	akui	139
dilalui	158	dilalu	1	lalui	49
dianggotai	153	dianggota	-	anggotai	1
dipatuhi	127	diaptuh	1	patuhi	27
disyaki	125	disyak	-	syaki	2
dimenangi	116	dimenang	-	menangi	6

Kesimpulan

Makalah ini menegaskan bahawa imbuhan /di-i/ adalah imbuhan gabungan dan bukannya imbuhan apiatan seperti yang didakwa oleh sesetengah penahu sebelum ini. Bukti morfologi menunjukkan proses pengimbuhan yang melibatkan awalan /di-/ dan akhiran /-i/ berlaku secara berperingkat-peringkat dan bukannya serentak. Rumus morfologi pengimbuhan akhiran /-i/ didapati mendahului rumus pengimbuhan awalan /di-/, dan bukan sebaliknya. Kenyataan ini disokong oleh bukti leksikal yang diperoleh daripada data korpus bahasa Melayu. Seterusnya perilaku fonologi juga menunjukkan bahawa rumus fonologi penyukuan ambisilabik yang berkait rapat dengan pengimbuhan akhiran /-i/ beroperasi lebih awal di domain yang sama, iaitu di strata pertama. Bukti morfologi, fonologi dan leksikal ini jelas membuktikan bahawa imbuhan /di-i/ adalah imbuhan gabungan dan bukannya imbuhan apitan.

Rujukan

- Asraf. 1989. Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Farid M. Onn. 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Goldsmith, J. A. 1990. Autosegmental and Metrical Phonology. Oxford: Basil Blackwell, Inc.
- Hayes, Bruce. 1989. Compensatory lengthening in moraic phonology. *Linguistic Inquiry* 20: 253-306.
- Hashim Hj. Musa. 1993. Binaan dan Fungsi Perkataan Dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz, M. 1994. Phonology in Generative Grammar. Cambridge: Blackwell.
- Kiparsky, P. 1982. Lexical Morphology and Phonology. Dlm. I-S. Yang (peny.) *Linguistics in the Morning Calm*, Seoul: Hanshin.
- Kiparsky, P. 1985. Some consequences of lexical phonology. *Phonology Yearbook* Volume 2.
- Mohanan, K. P. 1982. Lexical Phonology. PhD Dissertation, MIT. Distributed by Indiana University Club.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Hj. Musa. 1989. Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong. 1994. The Sound System of Malay Revisited. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1993. Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zaharani Ahmad, 1999 : Menangani kelegapan asimilasi nasal bahasa Melayu:
Suatu analisis teori fonologi leksikal, Jurnal Dewan Bahasa. 43(9): 813-824.
- Zaharani Ahmad. 2008. Pengimbuhan meN- dengan kata dasar satu suku kata.
Dlm Zaharani Ahmad (pyt.). Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu. Bangi:
Penerbit UKM.